



lokal



DR Muhammd Rezal (tiga dari kiri) pada sidang media kumpulan penyelidik Matematik UPM (INSPEM), semalam.

Jejak 34 manuskrip silam abad ke-17

Serdang: Sekumpulan penyelidik etnomatematik negara berjaya menjejaki 34 manuskrip silam abad ke-17 yang menyimpan hasil penyelidikan sains dan matematik tamadun Melayu.

Etnomatematik yang diperkenalkan di Eropah pada 1970-an adalah kajian matematik yang lahir dalam budaya dan etnik sesuatu kaum.

Pengarah Institut Penyelidikan Matematik (Inspem) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Muhammad Rezal Kamel Ariffin berkata, manuskrip yang dikumpul sejak 2002 itu diperolehi bermula dari Malaysia, Aceh, Indonesia dan Champa, Kemboja.

Katanya, khazanah berkenaan disimpan dalam bentuk digital dan masih dalam proses abstrak dan

transliterasi maklumat daripada tulisan Melayu silam dan Jawi.

“Inspem mula menjejaki manuskrip ini sejak 2002 dari koleksi Perpustakaan Negara dan seluruh negara sebelum ke Aceh dan Kemboja.

“Hasilnya, kita berjaya mengumpul 34 manuskrip Melayu berlatar belakang bidang matematik.

“Antara cabaran menjejaki manuskrip ini ialah kita perlu baca dan memahami tulisan Melayu lama dan Jawi yang mengambil masa panjang,” katanya dalam sidang akhbar di Inspem, semalam.

Turut hadir Felo Penyelidik Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, Prof Emeritus Dr Shaharir Mohamad Zain dan Penyelidik Bersekutu Inspem, Prof Madya Dr Sharifah Kartini Said Husain.